



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 6 NOVEMBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 6 November 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **5,382 kes** (2,407,205 kes kumulatif, 96.2%);
- Kes baharu : **4,701 kes** (2,501,966 kes kumulatif);
- Kes import : **28 kes** (20 warganegara; 8 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,673 kes** [4,505 warganegara (96.4%); 168 bukan warganegara (3.6%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **544 kes** (527 kes disahkan COVID-19 ; 17 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **280 kes** (212 kes disahkan COVID-19 ; 68 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,799 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **3 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,464 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **335 kluster**.

Daripada **4,701 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **88 kes (1.9 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,613 kes (98.1 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

SITUASI DAN MAKLUMAT TERKINI MENGENAI MUTASI SPIKE PROTEIN COVID-19 DI MALAYSIA : PENEMUAN SUBVARIAN DELTA AY.4.2 DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa, kajian berterusan oleh *Institute for Medical Research, Malaysia* (IMR) telah mengenalpasti mengenalpasti sebanyak **44 kes baharu** yang kesemuanya adalah *Variant of Concern* (VOC) iaitu varian Delta (B.1.617.2) manakala *UKM Medical Molecular Biology* (UMBI-UKM) telah mengenalpasti sebanyak **46 kes baharu** yang kesemuanya adalah *Variant of Concern* (VOC) iaitu varian Delta (B.1.617.2).

Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai VOC dan *Variant of Interest* (VOI) adalah sebanyak **3,782 kes**. Daripada jumlah yang dikesan tersebut, **3,762 kes adalah VOC** manakala **20 kes adalah VOI**. Secara keseluruhan, sehingga kini, bagi VOC terdapat sebanyak;

- 3,522 kes varian Delta;
- 226 kes varian Beta; dan
- 14 kes varian Alpha.

Manakala bagi kes-kes VOI, terdapat sebanyak;

- 13 kes varian Theta;
- Empat (4) kes varian Kappa; dan
- Tiga (3) kes varian Eta.

KKM juga ingin mengesahkan **penemuan dua (2) kes pertama COVID-19 subvarian Delta AY.4.2 di Malaysia**. Untuk makluman, kes-kes ini merupakan kes import (pelajar Malaysia yang pulang dari United Kingdom) yang telah dikesan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA). Kedua-dua rakyat Malaysia ini telah sampai di KLIA pada 2 Oktober 2021 dan telah menjalani ujian RT-PCR dan didapati negatif untuk SARS-CoV-2 bagi sampel pertama. Walau bagaimanapun keputusan tersebut positif apabila diuji pada sampel kedua yang diambil pada 7 Oktober 2021 semasa dalam tempoh kuarantin. Sampel-sampel ini telah menjalani penjujukan genom penuh di UMBI-UKM dan laporan keputusan telah dikeluarkan pada 30 Oktober 2021.

Varian AY.4. adalah salah satu *lineage* Delta di mana pada masa ini terdapat lebih dari 75 jenis *lineage* berasal dari Delta. Salah satu *sublineage* AY.4 adalah Varian AY.4.2 yang juga dikenali sebagai "Delta Plus". Varian AY.4.2 ini mempunyai dua (2) mutasi tambahan pada protein spike iaitu Y145H dan A222V. Sehingga akhir Oktober 2021, variant AY.4.2 merupakan 10 peratus dari jumlah penjujukan genom penuh yang dijalankan di

United Kingdom (UK). Agensi Keselamatan Kesihatan UK pada 20 Oktober 2021 telah menetapkan AY.4.2 sebagai *Variant Under Investigation* (VUI).

Untuk makluman, vaksin yang digunakan sekarang masih berkesan terhadap varian ini dan langkah-langkah seperti kuarantin, pengujian, dan sebagainya yang dijalankan dapat membantu mengurangkan risiko penularan varian ini di Malaysia terutama di PMA. KKM akan terus memantau dengan teliti dari semasa ke semasa bagi mengesan kewujudan subvarian Delta dalam komuniti.

Perincian kes-kes positif COVID-19 varian VOC dan VOI mengikut negeri, saringan, dan kluster adalah seperti di Lampiran 3 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

6 November 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 6 NOVEMBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Industri Batu 22 Ijok	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor	8	60
2	Jalan Bukit Aman	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, dan Selangor	Kepong, Cheras, Lembah Pantai, Putrajaya, dan Gombak	6	16
3	Batu Lapan Tangkak	Tempat Kerja	Johor	Tangkak	16	49

LAMPIRAN 2**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 5 NOVEMBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
WP PUTRAJAYA	1.06
NEGERI SEMBILAN	1.03
MELAKA	1.01
SELANGOR	0.99
PAHANG	0.98
PERLIS	0.97
SABAH	0.97
KEDAH	0.97
WP KUALA LUMPUR	0.96
KELANTAN	0.92
JOHOR	0.88
PULAU PINANG	0.88
SARAWAK	0.87
TERENGGANU	0.85
PERAK	0.85
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.92

**JADUAL 1 : KES-KES BAHARU POSITIF COVID-19 VARIAN VOC
DAN VOI TEMPATAN DAN IMPORT
6 NOVEMBER 2021**

Negeri	VOC	VOI	Jumlah
	Delta B.1.617.2		
Johor	27	-	27
Sabah	27	-	27
Negeri Sembilan	10*	-	10
Selangor	10	-	10
WP Kuala Lumpur	9	-	9
Pahang	4	-	4
Kelantan	1	-	1
Melaka	1	-	1
Perlis	1	-	1
Jumlah Keseluruhan	90	0	90

* Dua (2) *sublineage* AY.4.2 dikesan

**JADUAL 2: BILANGAN KES POSITIF COVID-19 DENGAN VOC DAN
VOI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 6 NOVEMBER 2021**

Negeri	VOC						VOI						Jumlah		Jumlah Keseluruhan
	Alpha		Beta		Delta		Kappa *		Theta*		Eta*				
	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	
Sarawak	-	-	1	46	1	1,788	-	-	-	13	1	-	3	1847	1,850
Selangor	2	6	-	52	3	398	1	-	-	-	-	-	6	456	462
Johor	-	-	-	10	1	237	3	-	-	-	-	-	4	247	251
Pulau Pinang	-	-	-	9	1	195	-	-	-	-	-	-	1	204	205
Sabah	-	3	-	11	-	147	-	-	-	-	-	-	-	161	161
Pahang	-	-	-	4	-	141	-	-	-	-	-	-	-	145	145
WP Kuala Lumpur	3	-	-	9	7	112	-	-	-	-	2	-	12	121	133
Negeri Sembilan	-	-	-	4	2	119	-	-	-	-	-	-	2	123	125
Melaka	-	-	-	7	-	88	-	-	-	-	-	-	-	95	95
Kedah	-	-	-	14	-	74	-	-	-	-	-	-	-	88	88
Kelantan	-	-	-	27	-	51	-	-	-	-	-	-	-	78	78
Perak	-	-	-	16	-	47	-	-	-	-	-	-	-	63	63
Terengganu	-	-	-	9	-	54	-	-	-	-	-	-	-	63	63
Perlis	-	-	-	4	-	23	-	-	-	-	-	-	-	27	27
WP Labuan	-	-	-	0	4	18	-	-	-	-	-	-	4	18	22
WP Putrajaya	-	-	-	3	-	11	-	-	-	-	-	-	-	14	14
Jumlah	5	9	1	225	19	3,503	4	0	0	13	3	0	32	3,750	3,782
	14		226		3,522		4		13		3		3,782		
Jumlah Keseluruhan	3,762						20						3,782		

Nota: * Kategori VOI sehingga 30 September 2021

**JADUAL 3 : BILANGAN KES POSITIF COVID-19
DENGAN VOC DAN VOI MENGIKUT SARINGAN / KLUSTER
BAGI SETIAP NEGERI SEHINGGA 6 NOVEMBER 2021**

Negeri	VOC						VOI						Jumlah		Jumlah
	Alpha		Beta		Delta		Eta*	Kappa*		Theta*		Kluster	Sporadik		
	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik	Sporadik	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik				
Sarawak	-	-	18	29	241	1,548	1	-	-	8	5	267	1,583	1,850	
Selangor	3	5	14	38	17	384	-	-	1	-	-	34	428	462	
Johor	-	-	8	2	62	176	-	3	-	-	-	73	178	251	
Pulau Pinang	-	-	3	6	17	179	-	-	-	-	-	20	185	205	
Sabah	3	-	3	8	17	130	-	-	-	-	-	23	138	161	
Pahang	-	-	4	-	91	50	-	-	-	-	-	95	50	145	
WP Kuala Lumpur	-	3	-	9	23	96	2	-	-	-	-	23	110	133	
Negeri Sembilan	-	-	2	2	59	62	-	-	-	-	-	61	64	125	
Melaka	-	-	4	3	23	65	-	-	-	-	-	27	68	95	
Kedah	-	-	7	7	20	54	-	-	-	-	-	27	61	88	
Kelantan	-	-	21	6	22	29	-	-	-	-	-	43	35	78	
Perak	-	-	14	2	5	42	-	-	-	-	-	19	44	63	
Terengganu	-	-	7	2	33	21	-	-	-	-	-	40	23	63	
Perlis	-	-	-	4	5	18	-	-	-	-	-	5	22	27	
WP Labuan	-	-	-	-	7	15	-	-	-	-	-	7	15	22	
WP Putrajaya	-	-	-	3	-	11	-	-	-	-	-	0	14	14	
Jumlah	6	8	105	121	642	2,880	3	3	1	8	5	764	3,018	3,782	
	14		226		3,522		3	4		13		3,782			
Jumlah Keseluruhan	3,762						20						3,782		

Nota: * Kategori VOI sehingga 30 September 2021